

# Hargai seni pertukangan kapal tradisional Terengganu

BH 24/9/2022 MS .13

Prof Madya Dr  
Idham Arif Alias,  
Universiti Putra  
Malaysia

**Kehebatan** anak tempatan dalam kemahiran pertukangan sememangnya tidak dapat dinafikan. Misalnya, Terengganu secara am dan Pulau Duyung khususnya dikenali sebagai lokasi pembuatan kapal unggul.

Teringat saya pada kisah sebuah kapal layar buatan anak Terengganu dibeli oleh seorang pelayar Jerman, Cristoph Swoboda, yang pernah tular suatu ketika dahulu. Kapal layar itu yang diberi nama *Naga Pelangi 2* dikatakan kapal tradisional Terengganu kedua dibeli olehnya dari Pulau Duyung.

Kisah sebegini membuktikan kekaguman orang luar, apatah lagi dari sebuah negara maju, terhadap kemahiran pembinaan kapal layar yang dimiliki anak tempatan. Namun, agak malang orang tempatan sendiri ada kalanya tidak pun menghargai seni pertukangan kapal yang hebat ini.

Mungkin antara cara yang boleh menimbulkan kesedaran masyarakat untuk lebih menghargai seni pertukangan begini adalah dengan mewujudkan

produk pelancongan berskala besar berkaitan dengan kapal layar ini. Misalnya, anjurkan acara tahunan perarakan kapal layar tradisional dan yang seumpamanya.

Acara itu berkonsepkan pertunjukan pelbagai jenis kapal layar, bot atau sampan tradisional Terengganu, yang belayar di muara sungai menuju ke jambatan angkat.

## Perarakan bot, wujudkan muzium

Jika mahu, pengunjung boleh sahaja dikenakan tiket. Saya tidak fikir ia akan menjadi halangan yang besar berbanding pengalaman mereka di atas kapal sambil menikmati keindahan pemandangan, terutama ketika kapal melalui bawah jambatan angkat.

Selepas program perarakan kapal berakhir, apakah yang harus dilakukan pada semua kapal yang dibina itu? Perarakan itu sendiri pertamanya, adalah satu promosi hebat untuk memasarkan produk kapal layar tradisional Terengganu kepada pelayar

yang berminat, sama ada di dalam atau luar negara.

Di samping itu, disyorkan untuk diwujudkan satu muzium atau pelabuhan untuk kapal tradisional yang besar berhampiran Pulau Duyung. Fungsinya ialah sebagai satu lagi produk pelancongan. Ia boleh dibuka hampir sepanjang tahun untuk menerima kunjungan pelancong yang ingin melihat dengan lebih dekat semua kapal itu.

Selain meningkatkan ekonomi setempat mahupun negeri, wujudnya pelabuhan begitu akan dapat meningkatkan minat rakyat, khususnya generasi muda untuk lebih menghargai kebijaksanaan pertukangan kapal orang Terengganu.

Mungkin selari dengannya perlu diwujudkan juga kompleks pembinaan kapal layar tradisional yang lengkap di Pulau Duyung.

Saya tidak pasti sama ada sudah wujud satu institut kemahiran dengan tujuan sebegini, tetapi ia tentu sahaja baik dalam usaha menurunkan ilmu pertukangan berkaitan kepada generasi muda.